

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421

The background of the entire page is a soft-focus photograph of two hands holding massage tools. The tools have green caps and pinkish-red bases. The hands are positioned as if they are about to use the tools on a person's back.

MEREMAJAKAN

Rawatan Tradisional & Komplementari di Kalangan Warga Kota

Nur Syazana Yildirim & Nor Hafizah Mazlan
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh, Pulau Pinang

Bekam atau Hijamah adalah kaedah rawatan alternatif yang tidak asing bagi masyarakat di negara ini. Ia merupakan kaedah rawatan alternatif yang digunakan oleh masyarakat Islam dan Cina dalam usaha mengatasi pelbagai jenis penyakit. Dengan menggunakan strategi penjenamaan dan pemasaran yang betul di media sosial, seseorang usahawan secara tidak langsung dapat memperkenalkan rawatan alternatif sepertiurut badan dan bekam kepada pelbagai golongan masyarakat terutamanya yang berada di kawasan bandar.

Mengambil kira trend dan permintaan masa kini, Mohammad Noor Firdaus Yahya, 30, pemilik 'Sayatan Home-Mobile Spa', adalah bekas pelajar kejuruteraan Mekanikal di UiTM Permatang Pauh. Beliau telah menceburi bidang ini dengan membawa pelbagai pembaharuan dan keunikan yang tersendiri. Antaranya adalah dengan mewujudkan suasana spa di rumah pelanggan melalui perkhidmatan dari rumah ke rumah, penyediaan katil bergerak, beg mudah alih, mesin pelembap udara, air herba madu dan lain-lain. Walaupun beliau mempunyai pekerjaan tetap dalam bidang kejuruteraan, namun beliau tetap gigih mengusahakan perkhidmatan rawatan alternatif ini sebagai pekerjaan tambahannya.

Minatnya mula timbul selepas melihat ayahnya mahir mengurus ahli keluarganya di kampung. Menyedari akan minat anaknya itu, ayahnya memberi peluang berkongsi ilmu dan beberapa

contoh praktikal kepada anaknya. Menurut beliau, "Ayah sayalah pendorong utama bagaimana saya terjebak dalam bidang ini". Beliau merupakan seorang pesara tentera darat dan mula menyediakan rawatan urutan semenjak umur 18 tahun lagi. Setelah berpenen ketika berumur 45 tahun, beliau menceburi bidang ini secara sepenuh masa dan mula menjadi tenaga pengajar dalam bidang urutan kepada petugas-petugas spa di beberapa hotel terkemuka di Port Dickson. "Oleh itu, mudah bagi saya untuk menguasai teknik asas mengurus yang saya kuasai sejak usia muda lagi", kata graduan Tunas Mekar UiTM Pulau Pinang itu.

Beliau yang mempunyai minat yang tinggi dalam bidang perniagaan semenjak dibangku sekolah lagi, telah meneroka beberapa cabang perniagaan seperti bidang perkhidmatan, peruncitan dan juga makanan. Antara anugerah dan geran yang pernah diperolehi oleh beliau dalam bidang ini adalah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Giat MARA, penerima geran perniagaan TUBE SME Corporation, penerima geran Jabatan Pertanian dan juga bantuan perniagaan zakat. Beliau berkata "Perkhidmatan ini dipilih kerana minat yang mendalam dan keyakinan yang kuat terhadap potensi prospeknya dan mempromosikan rawatan sunnah melalui pendekatan yang lebih menarik walaupun bidang ini kurang diminati anak-anak muda masa kini".

Antara cabaran yang pernah beliau hadapi adalah memecahkan stigma masyarakat yang menilai had umur perawat khususnya dalam bidang

rawatan komplementari dan tradisional. Perawat dalam lingkungan umur 40-an adalah dikategorikan sebagai seorang yang berpengalaman. Beliau berkata, “Bagi masyarakat berhampiran rumah ayah saya, mereka telah mengetahui dan memahami keupayaan saya sejak dahulu lagi. Namun, saya perlu membina imej baharu bagi meningkatkan keyakinan pelanggan yang tidak memahami latar belakang saya sebagai anak tukang urut”.

Dengan membelanjakan hampir RM2,000.00 sebagai modal pertamanya, beliau kini sudah mula mengorak langkah dengan lebih selesa dan yakin. Menurut beliau, “Alhamdulillah, kini saya mempunyai lebih dari 60 pelanggan tetap dari pelbagai latar belakang. Kebanyakan pelanggan beliau adalah dari golongan profesional, sektor industri berat dan juga warga rentan. Beliau menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan seperti urutan badan, saraf, batin, rawatan fasdu, bekam darah menggunakan jarum atau pisau, bekam angin dan juga bekam api.

Ketika ditanya mengenai rancangan masa hadapan, beliau sedang meneroka pelbagai jenis rawatan alternatif termasuklah rawatan kiropraktik, refleksologi dan juga akupunktur. Menurut beliau, “Ayah selalu mengatakan bahawa dia nampak saya mempunyai jiwa perawat sejak kecil lagi. Kaedah berbekam merupakan amalan sunnah khususnya berbekam secara ‘sayatan’ pisau bekam yang merupakan kaedah asli yang digunakan oleh Rasulullah. Oleh itu, saya memilihnya sebagai nama perniagaan saya bagi memberi perkhidmatan dan menyampaikan pengetahuan kepada masyarakat. Badan yang sihat dan pahala pun dapat insyaAllah”, katanya.

